

15 NOV 1998

APEC-BERITA-MATAWANG/I

MALAYSIA TIDAK AKAN UBAHSUAI MATAWANGNYA, KATA MAHATHIR

Oleh: Mohd Arshi Daud

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Malaysia, yang menetapkan ringgit pada RM3.80 kepada setiap dolar AS pada September lalu, tidak akan mengubah suai matawangnya untuk terus kompetitif apabila matawang-matawang jiran-jirannya turun-naik, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata.

"Kami boleh membuat pengubah suaian yang lebih baik melalui produktiviti yang lebih tinggi," katanya kepada pemberita pada sidang kemuncak perniagaan Apec di sini.

Ditanya mengenai Apec membesarkan keanggotaannya, Perdana Menteri berkata jika keanggotaan Apec terus berkembang, ia akan berakhir menjadi satu lagi Bangsa-Bangsa Bersatu.

Ia akan menjadi 180 anggota "dan dapat bercakap dan tidak berbuat apa-apa," katanya.

Ditanya sama ada ketidakhadiran Presiden AS Bill Clinton di sidang kemuncak ketua negara Apec akan menjejaskan langkah-langkah liberalisasi perdagangan di forum serantau itu, katanya:

"Negara-negara yang tidak sungguh-sungguh meliberalisasi, kini akan mempunyai hak yang lebih besar kerana AS dilihat sebagai negara dominan untuk mendesak liberalisasi perdagangan,"

"Kita terpaksa mendengar mereka (negara-negara yang tidak sungguh-sungguh meliberalisasi)," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau mempunyai harapan yang terhad daripada sidang kemuncak ketua-ketua negara Apec.

"Apa yang saya mahu lakukan untuk mendesak para perwakilan bahawa kita mempunyai masalah, satu masalah ekonomi," katanya.

Beliau juga mengulangi pentingnya mengawal selia dagangan matawang dan salah satu daripada cara ialah untuk membantu mereka mendaftar dan menghadkan dana-dana yang dipinjam oleh bank-bank kepada mereka.

Dr Mahathir juga berkata beliau ingin melihat syarikat-syarikat Taiwan melabur di dalam sektor elektronik Malaysia.

"Kami pastinya menyambut baik penyertaan mereka di dalam ekonomi Malaysia," katanya.

--BERNAMA

AD MR OS